



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

BIL.8/2019

### **FUNGSI DAN BIDANG KUASA SPR SAH DAN MENGIKUT PERLEMBAGAAN**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memberi penjelasan berhubung dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh beberapa pihak yang mempersoalkan kelayakan serta kedudukan (SPR) dalam menentukan proses-proses penjalanan pilihan raya terutama yang melibatkan Pilihan Raya Kecil (PRK) N.24 Semenyih disebabkan berlakunya kekosongan jawatan Ahli-Ahli Suruhanjaya dan masih belum diisi sehingga hari ini.
2. SPR ingin menegaskan bahawa fungsinya buat masa ini yang hanya mempunyai Pengurus sahaja tidak terjejas dari segi perundangan kerana segala tindakan yang dibuat telah mematuhi peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan juga selaras serta mengikut nasihat perundangan daripada Jabatan Peguam Negara (AGC) pada 28 Disember 2018.
3. Untuk penjelasan lanjut, Perkara 114(1) Perlembagaan Persekutuan hendaklah dibaca bersama dengan Perkara 114(7). Secara ringkasnya kedua-dua peruntukan tersebut merumuskan bahawa fungsi yang dilaksanakan oleh Pengurus SPR adalah fungsi SPR dan ia wajar dijalankan secara kolektif sekiranya tidak berlaku kekosongan disebabkan oleh kehendak undang-undang. Memandangkan kekosongan enam anggota SPR buat masa ini merupakan kekosongan di bawah perundangan, maka Pengurus SPR dalam keadaan sedemikian boleh melaksanakan fungsi-fungsi SPR.

4. Perkara 114(1) dan Perkara 114(7) Perlembagaan Persekutuan ini juga harus dibaca bersama dengan Seksyen 33C Jadual ke-11 Perlembagaan Persekutuan yang dengan jelas menyatakan bahawa ketiadaan atau kekosongan sesuatu keanggotaan Suruhanjaya tidak akan menjaskan keputusan yang dibuat pada masa itu.
5. Pandangan undang-undang tersebut juga telah dirujuk di dalam kes antara Peguam Negara Dan Nurul Izzah binti Anwar dan 10 lagi (Rayuan Sivil No.W-01(1M)-19-01/2017) yang mana Hakim Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa adalah menjadi niat perundangan bahawa SPR dibolehkan untuk wujud dan berfungsi secara **SAH** walaupun dalam keadaan di mana kurang daripada tujuh Ahli Suruhanjaya dan dalam keadaaan di mana berlakunya kekosongan. Dengan ini kuasa dan prosiding SPR secara sahnya tidak terkesan dengan apa-apa bilangan kekosongan yang berlaku.
6. Berdasarkan kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan nas perundangan yang dinyatakan adalah ditegaskan bahawa Pengerusi SPR masih boleh berfungsi seperti mana dalam keadaan sekarang iaitu sekiranya hanya tinggal Pengerusi seorang sahaja dan segala keputusan yang dibuat adalah sah dan dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Sekian dan terima kasih.

**AZHAR AZIZAN HARUN**  
Pengerusi  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 18 Januari 2019 / 12 Jamadil Awal 1440H